

# MINDA

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

■ Shah Alam

**K**etika umurnya masih hijau di bangku sekolah rendah, Encik Sabrie Salleh sudahpun memasang cita-cita untuk berkecimpung dalam arena politik tanah air.

Pengalamannya datuknya, Allahyarham Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali, selaku bekas Menteri Besar Selangor ternyata menyuntik pengaruh besar kepada anak kedua daripada tiga orang adik-beradik itu.

"Saya kagum menyaksikan arwah atuk berucap di hadapan khalayak ramai. Apabila ditananya cita-cita sewaktu bersekolah rendah, jawapan saya ialah menjadi ahli politik," katanya.

Bagaimanapun, keadaan berubah selepas Encik Sabrie melangkah ke alam persekolahan menengah berikutan kesibukannya menyertai pelbagai aktiviti seiring usia remaja ketika itu, termasuk kerap bertandang ke kafe siber.

## Bukan suka-suka

"Saya sering mengunjungi kafe siber selepas waktu persekolahan atau pada cuti hujung minggu untuk melayan permainan komputer seperti Counter-Strike dan Dota.

"Namun, saya bukan bermain sekadar untuk suka-suka, sebaliknya pernah menyertai cabaran World Cybergames dan muncul antara empat terbaik. Melalui permainan komputer secara profesional, saya belajar mengenai strategi dan konsentrasi yang dimanfaatkan dalam urusan perniagaan diceburi sekarang," katanya.

Begitupun, Encik Sabrie yang

kini bergelar pemilik Bumiputera Food Artist (M) Sdn Bhd yang terkenal dengan jenama restoran Burger Bakar Abang Burn (BBAB), tetap aktif menimba pengalaman kepemimpinan di sekolah, termasuk memegang jawatan Ketua Kelas dalam Tingkatan Tiga, Empat dan Lima.

Sewaktu mengikuti pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) pula, beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan menyertai pelbagai aktiviti hingga bergraduat.

## Usah tersilap percaturan

Seterusnya dalam alam kerjaya, beliau pernah bertugas sebagai penganalisis dan bekerja di firma audit sebelum nekad berhenti untuk menumpukan sepenuh komitmen mencapai impian menjadi seorang usahawan.

Perniagaan pertama diceburiinya ialah membuka kedai produk daging beku, Perfect Fresh and Frozen secara francais di Kajang, Selangor, pada tahun 2010.

"Saya bermula dari bawah dengan belajar memotong, menimbang dan mengisar daging. Saya percaya bahawa untuk berjaya dalam bidang ini, saya perlu menimba pengalaman sendiri.

Dalam dunia perniagaan, pasti ada pasang dan surut. Saya juga pernah tersilap percaturan tetapi bukanlah pengakhiran hidup.

"Strategi dan usaha belajar daripada kesilapan banyak mengajar saya untuk terus melangkah ke hadapan dengan pelbagai perancangan lain bersama-sama rakan kongsi, Encik Khairul Anwar Azhari," katanya.

Berkat kegigihan, Encik Sabrie kini sibuk menguruskan perniagaan Restoran Steak House dan 15 cawangan BBAB, selain pengilangan serta pengedaran produk makanan beku seperti bebola daging dan burger.

# Timba ilmu di kafe siber



» **Encik Sabrie** belajar

mengenai strategi dan konsentrasi melalui permainan komputer secara profesional

## TRIVIA

- Selain meminati sukan memanah dan permainan komputer, aktif dalam kegiatan seni mempertahankan diri seperti aikido dan silat.
- Sering dianggap seorang yang bekerja terlalu keras.
- Tidak takut menghadapi kegagalan, namun enggan turut menyusahkan orang tersayang, justeru berusaha gigih demi ibu bapa, isteri dan anak.
- BBAB bukan perintis dalam industri burger bakar tetapi menyasarkan untuk menjadi peneraju.
- Boleh berbahasa Mandarin tetapi kurang lancar.
- Hanya bercakap apabila perlu.
- Tidak menggemari sikap berpuak-puak.
- Cawangan pertama BBAB beroperasi di Taman Dagang, Ampang, pada Mei 2012.
- Mengakui zaman persekolahan menengah banyak mengajar makna kehidupan, terutama membentuk jati diri dan pencapaian akademik memberangsangkan.

Encik Sabrie (kanan) bersama-sama keluarga sewaktu zaman kanak-kanak



Bahagia di sisi isteri dan anak tersayang.



Antara potret keluarga yang menjadi kenangan Encik Sabrie (depan, kanan).



Menunjukkan antara menu utama restoran BBAB.

## BIODATA

### Encik Sabrie Salleh

- Umur: 30 tahun
- Tarikh lahir: 18 Ogos 1986
- Tempat lahir: Kuala Lumpur
- Kedudukan dalam keluarga: Anak kedua daripada tiga orang adik-beradik
- Pendidikan rendah: Sekolah Kebangsaan (SK) Wangsa Melawati, Kuala Lumpur
- Pendidikan menengah: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Victoria, Kuala Lumpur
- Pendidikan prauniversiti: Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
- Pendidikan tinggi:
  - UPM - Ijazah Sarjana Muda Perakaunan
  - Universiti Help - Ijazah Sarjana Keusahawanan
- Status: Berkahwin
- Nama isteri: Puan Nadiah Abdul Hamid
- Nama anak: Eleanor Zafira Sabrie (berumur dua tahun)
- Makanan kegemaran: Nasi campur
- Hobi: Menjaga anak
- Idola: Datuk, Allahyarham Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali



Antara potret keluarga yang menjadi kenangan Encik Sabrie (depan, kanan).



Menunjukkan antara menu utama restoran BBAB.